

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SCHINDLER MANUFACTURING
(MALAYSIA) SDN. BHD., DI IPOH, PERAK, MALAYSIA
29 APRIL 1999

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Schindler Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd. Kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis pembukaan kilang mereka pada petang ini. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Schindler manufacturing atas kejayaan mereka membina kilang ini.

2. Pembukaan kilang ini sememangnya menunjukkan kecemerlangan syarikat Schindler, yang mana saya difahamkan, merupakan pengeluar eskalator terkemuka dan juga pengeluar lif yang kedua terbesar di dunia. Tahniah juga diucapkan kepada Schindler yang akan menyambut ulangtahun yang ke 125 pada tahun ini. Saya percaya Schindler akan terus maju dan akan mengukuhkan perniagaan mereka di alaf baru yang akan tiba tidak lama lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Saya difahamkan bahawa Schindler Manufacturing telah membuat pelaburan besar berjumlah RM136.8 juta atau US\$36 juta dengan mengikuti piawaian iso yang telah ditetapkan. Ini sudah tentu merupakan satu petanda positif terhadap perkembangan ekonomi di rantau asia, terutamanya di Malaysia. Keputusan Schindler untuk membuka kilangnya di Ipoh menggambarkan kepercayaan dan keyakinan pelabur asing terhadap suasana ekonomi negara ini.

4. Kejayaan Schindler untuk membina kilang membuktikan bahawa negara Malaysia menyediakan iklim yang sesuai untuk pelaburan asing di negara ini. Sudah terbukti langkah memperkenalkan kawalan tukaran matawang terpilih tidak sekali-kali bertujuan untuk menyekat pengaliran pelaburan langsung asing, seperti yang sering disalahertikan oleh sesetengah pihak, terutamanya ketika ia mula diperkenalkan.

5. Kawalan tukaran matawang asing hanyalah bertujuan untuk menyekat aliran keluar masuk modal portfolio jangka pendek yang pesat dan mendadak yang boleh menyebabkan ketidakstabilan pasaran kewangan sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Kita semua tentu masih ingat akan ketidakstabilan matawang negara kita apabila ia terdedah kepada serangan spekulator matawang. Bursa saham di ketika itu merosot, peniaga- peniaga mendapati keuntungan mereka dihakis oleh kerugian pertukaran matawang asing manakala ada syarikat-syarikat yang terpaksa mengurangkan pekerja mereka. Pendek kata, negara kita ketika itu mengalami krisis ekonomi yang begitu buruk dan segala penat lelah kita membangunkan ekonomi hancur dalam jangkamasa yang begitu singkat dan mendadak.

6. Alhamdulillah, usaha kita menangani kemelut ekonomi ini telah menampakkan hasilnya. Banyak tanda- tanda positif yang menunding ke arah pemulihan ekonomi negara. Salah anggap mengenai langkah kawalan tukaran matawang terpilih yang kita perkenalkan semakin berkurangan. Ramai pengkritik kini sudah mula memahami dan memberikan Malaysia peluang untuk membuktikan keberkesanan langkah yang kita telah lakukan. Tambahan pula segala ramalan buruk yang diberikan ketika negara baru memperkenalkan sistem tersebut nyata tidak benar.

7. Banyak peniaga yang menyedari betapa berhasilnya langkah kawalan matawang terpilih yang dilaksanakan oleh kerajaan. Antara yang nyata ialah apabila peniaga-peniaga sekarang telah dapat menguruskan aliran tunai dan membuat perancangan dengan lebih mudah apabila nilai ringgit ditetapkan pada kadar RM3.80 kepada US\$1. Pelabur-pelabur asing juga mendapati adalah senang untuk membuat pengiraan atas pelaburan yang hendak dilakukan di Malaysia, memandangkan matawang tempatan tidak lagi naik dan turun seperti yang pernah dilihat seketika dahulu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kerajaan Malaysia sememangnya tidak pernah menyekat, sebaliknya amat menggalakkan pelaburan langsung asing ke negara kita. Kita mengalu-alukan aliran modal jangka panjang swasta yang bertujuan untuk memperolehi kepentingan dalam sesuatu perusahaan dan ingin terlibat secara langsung dalam pengurusannya. Komitmen kerajaan Malaysia bagi menggalakkan pelaburan asing dapat kita lihat apabila kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan kepada pelabur-pelabur yang berminat pelbagai kemudahan telah disediakan seperti insentif, suasana pelaburan yang kondusif, serta tenaga kerja yang mahir dan berpendidikan. Pelabur asing juga dibolehkan menghantar balik keuntungan mereka dengan mudah, dan antara insentif utama yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah menawarkan pemilikan penuh yang tidak terbatas bagi pelaburan asing yang diluluskan antara 31 Julai 1998 dan 31 Disember 2000.

9. Selain daripada kemudahan yang disediakan, kerajaan juga sentiasa memastikan negara berada dalam keadaan yang aman. Rakyat Malaysia yang hidup bersatu-padu telah menunjukkan kepada dunia bahawa kita menawarkan satu pusat pelaburan yang stabil.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Pada waktu kita mengalami kegawatan ekonomi yang nyata ialah kadar pelaburan langsung asing yang datang ke Malaysia telah menurun. Kita telah menyaksikan kemerosotan di dalam permohonan untuk melabur secara terus. Bagaimanapun, perlu ditekankan di sini bahawa kadar meluluskan pelaburan langsung asing sebenarnya telah meningkat. Nilai kelulusan pelaburan asing bagi projek pembuatan oleh kementerian perdagangan antarabangsa dan industri berjumlah RM13.1 billion dalam tahun 1998, 14 peratus lebih tinggi berbanding dengan 1997.

11. Walaupun bersaing dengan negara lain untuk menarik pelaburan asing, Malaysia tetap menjadi tarikan. Kajian yang dilakukan oleh unctad pada tahun lepas ke atas 500 syarikat gergasi multinasional, mendapati Malaysia masih merupakan destinasi pelaburan yang menarik, berdasarkan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan berserta dengan harga hartanah dan kos pengeluaran yang rendah.

12. Fakta juga telah menunjukkan bahawa aliran kemasukan pelaburan langsung asing yang lebih tinggi telah dicatatkan dalam tempoh separuh tahun kedua 1998 berbanding dengan separuh tahun kedua 1997 dan separuh tahun pertama 1998. Nilai pelaburan yang dicadangkan melalui pembelian saham dan usahasama oleh kepentingan asing kepada jawatankuasa pelaburan asing berjumlah RM5.6 billion pada tahun 1998, iaitu 3.7 kali lebih tinggi daripada tahun 1997.

13. Di dalam kategori perusahaan mesin, sebanyak 69 kelulusan telah diberikan dalam tahun 1998. Sejumlah RM152.3 juta telah dilaburkan oleh pelabur asing di dalam sektor tersebut pada tahun yang sama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Pembukaan kilang Schindler di Malaysia sememangnya memberi keuntungan kepada negara dan negeri perak khususnya. Bandaraya Ipoh, semestinya dapat meraih faedah daripada pelaburan ini. Saya berharap bukan sahaja peluang perkerjaan akan bertambah dengan pembukaan kilang ini, tetapi pemindahan teknologi juga akan turut berlaku. Adalah amat penting bagi kita untuk mempelajari teknologi baru ini.

15. Rakyat Malaysia hendaklah sentiasa berusaha keras untuk memastikan arah pemulihan ekonomi negara berada di landasan yang betul. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru rakyat negeri Perak untuk terus berusaha memajukan negeri mereka.

16. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa negeri perak juga telah tidak terkecuali di landa kemerosotan ekonomi. Bagaimanapun, saya percaya bahawa rakyat negeri Perak akan menganggap rintangan ekonomi ini sebagai sesuatu yang sementara dan juga sebagai satu cabaran yang akan diatasi.

17. Saya juga ingin menyeru supaya rakyat negeri Perak bersama-sama membantu kerajaan pusat dalam usaha mengatasi masalah ekonomi negara kita ini. Menurut perakuan pelan pemulihan ekonomi negara, menteri besar dan ketua menteri setiap negeri adalah bertanggungjawab untuk menyegerakan kelulusan projek di peringkat negeri. Saya yakin kerajaan negeri Perak di bawah pimpinan Tan Sri Ramli Ngah Talib sememangnya sentiasa berusaha gigih di dalam melaksanakan segala yang perlu di dalam memastikan kelulusan untuk projek di negeri Perak dapat dibuat dengan cepat. Ini sudah tentu dapat mempercepatkan lagi proses pemulihan ekonomi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Schindler atas pembukaan rasmi kilang mereka pada petang ini.

Dengan lafaz "bismillahirrahmanirrahim" saya merasmikan majlis pembukaan Kilang Schindler (Malaysia) Sdn.Bhd.

Terima kasih.